

Sukarelawan UMP bantu cat atap

PEKAN - Sukarelawan Universiti Malaysia Pahang (UMP) tampil membantu mengecat atap asbestos menggunakan salutan khas di sekitar kawasan Sekolah Kebangsaan (SK) Indera Shahbandar di sini, kelmarin dalam usaha menyelesaikan masalah berkaitan partikel asbestos sekali gus mengurangkan bahaya penggunaannya kepada kesihatan pelajar.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof Datuk Dr Yuserrie Zainuddin berkata, penggunaan coating ke atas atap asbestos merupakan inisiatif bagi menggalakkan aplikasi teknologi terkini melalui kaedah penggunaan coating yang mesra alam.

Menurutnya, SK Indera Shahbandar adalah sekolah pertama terpilih menerima sumbangan Syarikat ECO24 dari Jepun dalam bentuk material coating khas iaitu Ecobest yang digunakan untuk menyalut atap asbestos di kawasan sekolah ini.

"Penggunaan Ecobest yang diperkenalkan di SK Indera Shahbandar ini boleh membantu mempercepatkan penyelesaian masalah berkaitan asbestos berbanding kaedah menanggalkan asbestos yang memakan masa lebih lama kerana ia memerlukan prosedur kerja selamat, ketat dan rumit."

"Dengan kaedah menyapu coating khas pada asbestos ini bukan sahaja mampu menjimatkan kos, malah turut berupaya meningkatkan jangka hayat atap asbestos tersebut," katanya ketika ditemui pada Program CSR Rasa Kasih UMP dan ECO24 di sekolah berkenaan, kelmarin.

Turut hadir, Pengarah Urusan UMP Holdings Sdn Bhd (UMPH), Syed Mohamad Hamzah Al-Junid Syed Abdul Rahman dan Pengarah Urusan ECO24, Kiyotaka Osada.

Dalam pada itu, menurutnya, penggunaan coating Ecobest ke atas atap asbestos secara tidak langsung dapat menjamin kesihatan mereka terutamanya pelajar.



Dr Yuserrie (tiga dari kanan, depan) bersama beberapa wakil lain dari UMP dan syarikat ECO24 melihat proses salutan coating khas.